0169

U 0709 DEB

MAHATHIR-PEMBANGUNAN

PULAU PINANG, 26 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI USAHA-USAHA KERAJAAN MENJADIKAN PELANCONGAN SEBAGAI SATU SUMBER EKONOMI NEGARA TELAH MENUNJUKKAN KEJAYAAN.

KATANYA BUKAN SAHAJA KADAR SEWA HOTEL TELAH MENURUN SEDIKIT, BAHKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PELANCONGAN TELAH DAPAT DIPELBAGAIKAN.

DARIPADA SEGI KETIBAAN MELALUI UDARA, NEGARA TELAH MULA DAPAT MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG, WALAUPUN DUA TIGA BUAH NEGARA JIRAN JUGA SANGAT AGRESIF DALAM INDUSTRI INI, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN TAHUNAN KE-17 PARTI GERAKAN DI DEWAN TUNKU, KOMTAR DI SINI.

MENGENAI PROGRAM TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990, DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP SETIAP PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PELANCONGAN AKAN BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN DALAM PEMBENTUKAN STRATEGI MENARIK PARA PELANCONG SUPAYA INDUSTRI PELANCONGAN DAPAT MENYUMBANGKAN TUKARAN ASING YANG TINGGI.

+DENGAN ADANYA USAHA-USAHA BERSAMA INI KITA BERHARAP EKONOMI NEGARA AKAN BERKEMBANG DENGAN PESATNYA,+ KATA BELIAU. -- LAGI

1433MST 26 11 88

0171

U 0710 DEB

MAHATHIR-PEMBANGUNAN 2 PULAU PINANG

MENGENAI EKONOMI, PERDANA MENTERI BERKATA PRESTASI EKONOMI NEGARA TAHUN INI TELAH DAPAT +BERNAFAS DENGAN SELESA+ BERIKUTAN PENINGKATAN HARGA-HARGA KOMODITI DAN DENGAN MENINGKATNYA EKSPORT BAGI KELUARAN SEKTOR PERKILANGAN.

KATANYA TAHUN HADAPAN, EKONOMI NEGARA DIJANGKA BERKEMBANG DENGAN KADAR PERTUMBUHAN 6.4 PERATUS BAGI KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK).

BELIAU YAKIN MENERUSI KERJASAMA BERTERUSAN SEKTOR AWAM, SEKTOR SWASTA DAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL, PENCAPAIAN PERTUMBUHAN ITU AKAN LEBIH BAIK LAGI PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP PARTI-PARTI KOMPONEN BN AKAN TERUS MEMAINKAN PERANAN MENGURANGKAN KEMISKINAN DI KALANGAN SEMUA KAUM, MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT DAN MENJADIKAN EKONOMI NEGARA LEBIH MANTAP DAN KUKUH DARI MASA KE SEMASA. -- BERNAMA

1436MST 26 11 88